

Tajau antara harta warisan kebanggaan kaum Iban

Oleh Ambrose Rirang

PADA suatu ketika dahulu, tempayan atau tajau merupakan antara harta pusaka yang amat tinggi nilainya dalam kalangan masyarakat Dayak di negeri ini khususnya Iban sama ada dijadikan sebagai koleksi peribadi atau kegunaan bagi menjalankan perkara berkaitan dengan adat serta kebudayaan komuniti berkenaan.

Berikut itu, sebelum wujudnya undang-undang seperti pada masa sekarang, kaum Iban pernah menggunakan tajau sebagai pembayaran denda bagi kesalahan membunuh sama ada secara sengaja atau

tidak sengaja melalui Adat Pati' Nyawa yang mana seseorang individu yang didapati bersalah membunuh individu lain akan dikehendaki membayar denda sebuah tajau kepada ahli keluarga mangsa yang dibunuhnya sebagai ganti.

Keadaan ini jelas membuktikan yang tajau memainkan peranan penting dalam kehidupan sehari-hari kaum Iban pada masa dahulu yang



TIDAK TERNILAI HARGANYA: Koleksi tajau milik keluarga Sandine yang sudah berusia ratusan tahun.



TAJAU RUSA

mana ianya merupakan antara harta pusaka yang diwarisi secara turun-temurun dari satu generasi ke generasi seterusnya.

Menurut sejarah, kaum Iban serta etnik yang lainnya di kepulauan Borneo ini membeli tajau daripada para pedagang Cina seawal abad ke-12 melalui sistem barter yang mana tajau ini tadi akan ditukarkan oleh



KOLEKSI ANTIK: Tajau Menaga (kiri) dan Tajau Remaong milik sebuah keluarga di Sebauh.

Dalam pada itu pula, kaum Iban pada masa itu terutamanya golongan lelaki dewasa memperoleh tajau dengan mengembawa atau "belelang" ke tempat lain seperti Brunei, Kalimantan atau

atau rumah panjang masing-masing.

Terdapat juga cerita dari generasi tua yang mengatakan tajau diperoleh dari rumah musuh semasa amalan memenggal kepala atau

"Bagaimanapun, bagi kaum Iban di Bahagian Bintulu khususnya yang mendiami Daerah Kecil Sebauh merangkumi Batang Kemen, Batang Pendan, Batang Binyo, Ulu Sebauh, Jelalong

Sandine berkata tajau dijadikan sebagai harta pusaka yang dibahagikan oleh para ibu bapa kepada anak-anak mereka dengan adat yang dikenali sebagai "Bebagi Pemai".

Dalam masa sama katanya, pada suatu ketika sebelum wujudnya undang-undang, tajau digunakan bagi menebus golongan hamba supaya menjadi ahli keluarga dan saudara mara menerusi "Adat Nembang Ulun", dijadikan upah oleh lemabang sabak atau si pembaca mentera tangisan untuk roh dan dijadikan sebagai "baya" iaitu simbolik bekalan si mati menuju ke alam kematian yang mana sebuah tajau akan diletakkan di bahagian atas kubur.

"Pada masa sekarang, peranan tajau dalam urusan adat istiadat kaum Iban semakin terhakis mengikut



Borneo ini mempunyai tajau daripada para pedagang Cina seawal abad ke-12 melalui sistem barter yang mana tajau ini tadi akan ditukarkan oleh mereka (pedagang Cina) dengan padi, beras, rempah, damar serta hasil hutan yang lainnya yang dibawa oleh kaum Iban kepada mereka.

terdapatnya golongan lelaki dewasa memperoleh tajau dengan mengembara atau "belelang" ke tempat lain seperti Brunei, Kalimantan atau kawasan yang berdekatan dengan Kepulauan Borneo dan setelah memperolehnya mereka akan membawanya balik ke kampung halaman

Terdapat juga cinta dari generasi tua yang mengatakan tajau diperoleh dari rumah musuh semasa amalan memenggal kepala atau "ngayau" masih lagi diamalkan pada zaman dahulu yang mana para pahlawan yang memenangi perang bukan sahaja membawa kepala musuh bersama mereka, namun dalam masa sama membawa harta benda musuh yang ditewaskan seperti tajau, tetawak, barang tembaga dan sebagainya yang dikenali sebagai "perepasan munsuh".

.

Justeru itu, tajau mempunyai peranan yang amat besar dalam upacara adat dan amalan tradisional kaum Iban sejak berzaman lamanya hingga ke hari ini.

.

Menurut salah seorang penggiat seni dan budaya kaum Iban di Bintulu, Sandine Bennidect,

.

40, terdapat tujuh jenis tajau yang paling tinggi nilainya dalam kalangan komuniti berkenaan iaitu Tajau Guchi, Tajau Sergiu, Tajau Ninga Petanda, Tajau Menaga, Tajau Rusa, Tajau Salang-Salang dan Tajau Alas.

.

Mengulas mengenai kegunaan tajau dalam kehidupan kaum Iban pada zaman dahulu,



HARTA PUSAKA: Penulis (kanan) bergambar bersama mendiang datuk dan neneknya ketika bersama ayah beliau mengambil harta pusaka keluarga atau "ngambi pemai" dari bilik asal ayah beliau di Selabit, Labang pada tahun 1990.

Bintulu khususnya yang mendiami Daerah Kecil Sebauh merangkumi Batang Kemen, Batang Pendan, Batang Binyo, Ulu Sebauh, Jelalong dan Tubau, Tajau Pereni merupakan tajau yang paling tinggi nilainya, disusuli dengan Tajau Menaga dan Tajau Palawan," ujarnya ketika ditemui Utusan Borneo, baru-baru ini.

Dalam pada itu katanya, sesetengah kawasan petempatan kaum Iban di negeri ini turut mengiktiraf Tajau Singaraja sebagai tajau yang paling tinggi nilainya di kawasan mereka kerana sukar diperoleh serta hanya dimiliki oleh golongan tertentu sahaja.

.

Jelasnya, apa yang semua pihak harus maklum ialah pada zaman dahulu, setiap jenis tajau yang dianggap paling tinggi nilainya di sesebuah kawasan adalah tidak sama kerana ianya terpulang kepada pengiktirafan atau pemahaman masyarakat setempat yang mendiami sesebuah kawasan itu.

.

7

"Pada masa sekarang, peranan tajau dalam urusan adat istiadat kaum Iban semakin terhakis mengikut peredaran zaman kerana kebanyakan generasi muda lebih memilih untuk mengikuti adat serta budaya yang tidak rumit serta senang diuruskan," ujarnya.

.

Walaupun begitu katanya, dalam konteks zaman moden ini, kaum Iban masih lagi menyimpan tajau sebagai harta pusaka keluarga yang tidak temilai harganya terutama tajau lama yang berusia ratusan tahun dengan bentuk serta ukiran yang pelbagai mengikut tahun ianya dikeluarkan.

.

7

Sambil menyifatkan tajau sebagai pernah menjadi status pengukur kekayaan dalam sesebuah keluarga kaum Iban pada zaman dahulu, Sandine berharap generasi muda Iban yang masih lagi memiliki tajau yang merupakan harta peninggalan keluarga agar menjaga khazanah antik itu dengan baik bagi memastikan ianya terus dapat diwarisi oleh generasi seterusnya.